

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 29 DISEMBER 2023
AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 6

Sistem PADU bukan suatu pembaziran

Dibangunkan sepenuhnya penjawat awam

Sistem PADU bukan suatu pembaziran

Oleh ZULKIFLI MANZOR

PETALING JAYA – Kerajaan menolak dakwaan pembangunan sistem Pangkalan Data Utama (PADU) yang dilancarkan minggu depan merupakan satu pembaziran kerana ia tidak melibatkan kontrak ratusan juta ringgit.

Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli berkata, PADU dibangunkan menerusi kepakaran tenaga daripada Kementerian Ekonomi, Jabatan Perangkaan (DOSM) dan Unit Permodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU).

Menurutnya, PADU dibangunkan penjawat awam menggunakan peruntukan sedia ada dan segala infrastruktur yang telah ada tanpa perlu membuka tender baru kepada pihak swasta.

"Bagi saya, padunya PADU ini

kerana ia melibatkan keseluruhan kepakaran dan tenaga penjawat awam bukan perunding dan kontraktor luar.

"Justeru, ia tidak melibatkan perbelanjaan tambahan seperti yang selalu berlaku setiap kali ada sistem baru diperkenalkan oleh kerajaan," katanya semalam.

Untuk rekor, PADU merupakan pangkalan data maklumat di peringkat isi rumah meliputi bilangan isi rumah, rekod pendapatan, tanggungan anak isi rumah mengikut peringkat pendidikan, lokasi isi rumah dan bilangan kenderaan isi rumah.

PADU sekaligus membantu kerajaan dalam mengagihkan subsidi dan bantuan dengan lebih berkesan selain menjadi penyelaras data antara agensi-seniahi sedia ada.

Rafizi menjelaskan, sistem

PADU dibangunkan dalam tempoh masa singkat iaitu tujuh bulan bermula Mei hingga Disember tahun ini yang berjaya mengatasi pelaksanaan projek sistem dikendalikan pihak swasta sebelum ini.

"PADU tidak melibatkan pembayaran setiap tahun kepada penyedia sistem pihak swasta kerana ia dibangunkan penjawat awam dan milik kerajaan.

"PADU berjaya disediakan dalam tempoh yang singkat dan tanpa peruntukan tambahan kerana hasil penat lelah penjawat awam yang bersengkang mata selama tujuh bulan," katanya.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dijadual melanckarkan PADU pada 2 Januari ini, yang menjadi pembangunan sistem pangkalan data terbesar pernah dilaksanakan.



PADU pangkalan data membantu kerajaan mengagihkan bantuan dengan berkesan. – GAMBAR HIASAN